

**KONFLIK PERCINTAAN**  
**DALAM NOVEL ADAM DAN HAWA KARYA AISYA SOFEA<sup>1</sup>**  
***Love Conflict in the Novel of Adam dan Hawa by Aisyah Sofea***

<sup>1</sup>NURUL HILWANY CHE SHAFFINE

<sup>2</sup>MOHD. ZARIAT ABDUL RANI

<sup>3</sup>NORAZLINA MOHD. KIRAM

<sup>4</sup>MUHD. ZULKIFLI ISMAIL

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,*

*Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor*

*<sup>1</sup>nurulhilwany90@gmail.com, <sup>2</sup>zariat@upm.edu.my, <sup>3</sup>noraz@upm.edu.my, <sup>4</sup>zulismail@upm.edu.my*

*Tarikh Dihantar: 6 Mei 2020 / Tarikh Diterima: 16 Julai 2020*

**Abstrak** Kajian ini memfokuskan kepada manipulasi aspek konflik percintaan dalam novel *Adam dan Hawa* (2012) karya Aisyah Sofea. Fokus ini dapat diwajar dengan pemahaman umum yang rata-rata menganggap bahawa konflik merupakan aspek penceritaan yang berperanan penting dalam pembikinan sesebuah naratif. Konflik juga dianggap sebagai ramuan penting yang mampu menjadikan sesebuah cerita itu menarik serta digemari oleh pembaca. Atas tanggapan ini, kajian ini meneliti novel *Adam dan Hawa* yang merupakan sebuah novel “best seller” kerana terjual lebih 50,000 naskhah serta diulang cetak sebanyak 30 kali sejak ia diterbitkan. Objektif kajian ini ialah menganalisis manipulasi konflik dalam novel *Adam dan Hawa* (*ADH*), dan seterusnya merumuskan peranan konflik dalam pembikinan naratif novel tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini menerapkan pendekatan Analisis Teks dengan menjadikan aspek “konflik” dalam pembikinan naratif sebagai sebuah kerangka analisis. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa cerita yang digarap dalam novel *Adam dan Hawa* adalah berlebaran sekitar konflik percintaan. Aspek konflik didapati telah dimanipulasi sepenuhnya oleh pengarang dan sangat signifikan dalam pembikinan naratif novel tersebut.

**Kata kunci:** Konflik, novel popular, *Adam dan Hawa*, *Aisyah Sofea*, Alaf 21 Sdn. Bhd.

**Abstract** This study focuses on the constructive topic of love conflict in the novel of *Adam dan Hawa* (2012) by Aisyah Sofea. The focus is due to the common perception in assuming that conflict is an aspect of storyline that plays an important role in the narrative production. This aspect is also

*considered as one of the important components that makes a story interesting and favoured by most of the public readers. Thus, in regard to the mentioned perception, this study examines the novel of Adam dan Hawa (ADH) which was the “bestseller” novel for selling more than 50,000 copies and was repeatedly printed for 30 times. The purpose of this study is to analyse the constructive aspect of conflict in Aisyah Sofea’s Adam dan Hawa (ADH) novel. Overall, this study concludes that the storyline in the novel of Adam dan Hawa is indeed hovering around conflicts especially the love conflict. The aspect of conflict has been fully constructed and played a significant role in the production of novel narrative.*

**Keywords:** Conflict, popular novel, Adam dan Hawa, Aisyah Sofea, Alaf 21 Sdn. Bhd.

## PENDAHULUAN

Dalam dunia kesusasteraan Melayu moden, “novel popular” merupakan antara kategori yang mendapat perhatian pengkaji dan pengkritik sastera. Perhatian ini dapat diamati antaranya pada sejumlah tulisan seperti buku, makalah serta kertas kerja, selain bengkel dan seminar yang kesemuanya membicarakan tentang novel popular di Malaysia.<sup>1</sup> Secara umumnya, dalam kesusasteraan Melayu, “novel popular” rata-rata difahami sebagai “novel yang laris” (*bestsellers*), yang antaranya ditandai dengan angka jualannya yang tinggi di pasaran. Pemahaman ini yang antaranya mendasari penjelasan Kamariah Kamarudin (seterusnya Kamariah, 2014) apabila membicarakan

<sup>1</sup> Disesuaikan daripada kertas kerja bertajuk “Manipulasi Aspek Konflik dalam Novel ‘Adam dan Hawa’ Karya Aisyah Sofea” yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu X (SALPBM) anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan pada 6 hingga 7 Februari 2018. Sila rujuk prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-10. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 2018.

<sup>2</sup> Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia. Anjuran Bahagian Kesusasteraan Moden, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 14–15 Disember 2006. Talib Samat. (2002). Ahmad Lutfi: Penulis, Penerbit dan Pendakwah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamariah Kamarudin. (2014). Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Ahadiat Akashah. (Ogos 2007). Forum Novel Popular. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

tentang peranan novel popular dalam pendidikan. Dalam menjelaskan tentang maksud “novel popular”, Kamariah menulis seperti berikut:

Didapati bahawa karya-karya tersebut yang diistilahkan sebagai “novel popular” adalah kerana sambutan luar biasa daripada masyarakat pembaca yang menyukai, menyenangi dan menggemari isu dan persoalan yang dibawa oleh rata-ratanya pengarang baru atau pengarang muda (Kamariah, 2014: 63 & 64) [Garisan ditambah.]

Pemahaman yang hampir sama mendasari tulisan T. Alias Taib (2001) ketika membicarakan soal nilai dan tema dalam apa yang diungkapkannya sebagai “sastera popular”. T. Alias Taib menyatakan, “Kata ‘pop’, merupakan singkatan daripada kata “popular” ...Popular bermaksud ‘digemari atau disukai ramai...’” (T. Alias Taib, 2001: 23). Dapat dikatakan pemahaman yang mendasari kesusteraan Melayu ini turut senada dengan persepsi pengkaji Barat tentang “novel popular”. Jerry Palmer (seterusnya Palmer, 1991) umpamanya menjelaskan bahawa istilah “fiksyen popular” (dalam konteks ini termasuk juga “novel popular”) merujuk kepada karya fiksyen yang ditulis untuk tujuan komersial dan “populariti” sesebuah karya fiksyen atau novel itu diukur pada jumlah khalayak dan angka jualan (*measured by audience size and sales figures*), sebagaimana berikut:

*The title of this book [merujuk “Fiksyen popular”] refers directly to the notion of narrative as a commodity, as something produced directly and explicitly for sale. Indeed, to talk about ‘popular’ fiction in a capitalist society necessarily refers us to this dimension of culture, for her popularity [dalam konteks “fiksyen popular”] is primarily measured by audience size and sales figures* (Palmer, 1991: 37).

Begitu juga Scott McCracken (seterusnya McCracken, 1998) yang berpendapat “novel popular” secara asasnya merujuk kepada karya fiksyen yang dibaca oleh ramai pembaca, sebagaimana katanya “*I define popular fiction simply as fiction that is read by large numbers of people...*” (McCracken, 1998: 1). Pada tahap ini, penting difahami bahawa “novel popular” rata-rata difahami sebagai “novel yang laris di pasaran” atau sering juga disebut sebagai *bestseller*.

Lanjutan daripada pemahaman ini, beberapa pengkaji sastera turut meneliti ciri-ciri yang mempengaruhi populariti atau angka jualan sesebuah novel popular. Antara ciri yang dianggap paling mempengaruhi ialah cerita atau kisah yang disajikan dalam novel itu sendiri. Dalam hal ini, beberapa pengkaji mengenal pasti bahawa percintaan (*romance*) menjadi antara cerita yang digemari oleh ramai pembaca awam, sebagaimana yang diperakukan oleh McCracken (1998) yang menjelaskan bahawa kisah percintaan merupakan ramuan utama dalam penghasilan fiksyen popular, sebagaimana yang ditulisnya, “*Romance is the original form of popular fiction*” (McCracken, 1998: 75). Begitu juga Shodhganga (2008) yang juga berpendapat bahawa novel popular merupakan sebuah karya fiksyen yang menamatkan jalan ceritanya dengan kebahagiaan. Hal ini demikian kerana menurut Shodhganga, penamatan cerita sebegini merupakan satu ramuan dalam novel popular yang menjadikan kisah percintaan sebagai tema utama, sebagaimana yang ditulisnya, “*The story generally ends happily. Romance fiction presents a love story with a happy ending*” (Shodhganga, 2008: 3).

Ciri yang hampir sama turut ketara dalam pengamatan beberapa pengkaji sastera Melayu tentang novel popular. Kajian Othman Puteh (2001), antaranya mendapati bahawa para pembaca menggemari novel Melayu yang menyajikan kisah percintaan lelaki-perempuan. Lebih penting ialah penjelasan Othman bahawa kisah percintaan yang popular ialah kisah percintaan yang penuh dengan konflik, seperti yang dijelaskannya, iaitu;

Novel popular dijalini dengan teknik yang agak mudah dan diimbangi pula dengan persoalan cinta, keluarga, dan konflik yang kerap tercetus dalam masyarakat seharian ... Mereka [merujuk penulis novel popular] banyak menyumbang untuk mengisi masa santai khalayak pembaca dengan novel yang mengetengahkan persoalan konflik cinta dalam kalangan remaja dalam memilih pasangan di samping bertarung untuk mencapai cita-cita sebagai insan yang cekal, gigih, dan ingin berdikari untuk memperoleh kejayaan (Othman Puteh, 2001: 11) [Garisan ditambah.]

Ciri yang sama turut dikenal pasti oleh Kamariah (2014) yang mendapati bahawa novel popular cenderung menyajikan cerita tentang konflik perkahwinan yang dianggap sebagai kisah yang digemari ramai. Menurut Kamariah (2014: 244);

... konflik dalam perkahwinan juga antara tema yang digemari pengarang yang menghasilkan novel-novel popular. Didapati novel-novel yang berbumbu tema sedemikian menjadikan isu rumah tangga, iaitu masalah dalam perkahwinan sebagai kekuatan karyanya... menawarkan konflik perkahwinan yang meraih umpan pembaca khususnya golongan hawa untuk menggemari tema sedemikian.

## PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk menjelaskan tanggapan umum tentang kecenderungan novel popular terhadap kisah percintaan yang penuh konflik. Konflik cinta ini jelas dianggap sebagai antara “ramuan” yang digemari ramai termasuk novelis serta pembaca awam, sekali gus dianggap mampu melariskan jualan sesebuah novel. Bertitik tolak daripada tanggapan sedemikian, kajian ini bertujuan menganalisis manipulasi aspek “konflik” dalam novel Melayu popular. Seajar dengan kepentingan aspek konflik yang dijelaskan, kajian ini memilih novel *Adam dan Hawa* (seterusnya *ADH*) (2013) karya Aisyah Sofea sebagai bahan kajian. *ADH* merupakan sebuah novel popular atau “bestseller” terbitan Penerbit Alaf 21 Sdn. Bhd. Sejak diterbitkan pada tahun 2006 sehingga 2013, *ADH* telah diulang cetak sebanyak 30 kali. Populariti *ADH* ditunjukkan secara eksplisit pada kulit depan novel yang memaparkan dua ungkapan, iaitu “Best Seller” dan “Terjual lebih 50,000 naskhah” (Aisyah Sofea, 2013). Berdasarkan populariti ini, *ADH* kemudiannya menarik minat syarikat produksi Global Station untuk mengadaptasi novel tersebut ke dalam bentuk drama televisyen secara bersiri sebanyak 80 episod, yang kemudiannya disiarkan pada tahun 2012 melalui saluran Astro di Malaysia dan Singapura. Sebagaimananya novelnya, drama tv bersiri “Adam dan Hawa” turut mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan penonton sehingga dianggap mencetuskan “fenomena” (Zaidi Mohamad, 2017). Tidak kurang penting ialah reputasi Aisyah Sofea sendiri yang sudah sedia memahat namanya yang kukuh sebagai seorang novelis popular. Popularitinya melonjak apabila novel-novel beliau rata-rata mencatatkan angka jualan yang tinggi serta diulang cetak beberapa kali.<sup>3</sup> Kesemua novel Aisyah Sofea sehingga kini diterbitkan oleh Alaf 21 Sdn. Bhd., yang juga merupakan sebuah syarikat yang terkenal dengan penerbitan

karya-karya popular.<sup>2</sup> Dengan semua kelebihan serta reputasi di atas, tidak syak lagi bahawa *ADH* merupakan sebuah novel popular yang digemari ramai, justeru sesuai dipilih sebagai bahan kajian.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis manipulasi konflik dalam novel *ADH* karya Aisyah Sofea, dan seterusnya merumuskan peranan konflik dalam pembikinan naratif yang terdapat dalam novel tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini menerapkan pendekatan Analisis Teks (*Textual Analysis*) sebagai metodologi kajian. Pendekatan ini sesuai dengan bahan kajian yang merupakan sebuah teks daripada genre novel. Sebagai satu pendekatan kajian, Analisis Teks antaranya menuntut sesebuah kajian untuk menentukan sebuah kerangka analisis (*an analytical framework*) yang dapat digunakan untuk menganalisis teks kajian. Bersesuaian dengan permasalahan kajian yang dihujahkan di atas, maka kajian ini menjadikan aspek “konflik” dalam pembikinan naratif sebagai sebuah kerangka analisis. Sehubungan itu, adalah relevan untuk dijelaskan serba sedikit tentang aspek “konflik” yang menjadi fokus dalam kajian ini.

Pada asasnya, “konflik” merujuk kepada pertentangan yang tercetus akibat percanggahan antara dua pihak. Dalam konteks penulisan karya fiksyen seperti novel, “konflik” ditangani sebagai satu aspek yang memainkan peranan bagi mengembangkan cerita. Untuk tujuan itu, “konflik” dicetuskan melalui pertentangan yang diwujudkan melalui manipulasi alat-alat penceritaan, terutamanya watak dan perwatakan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Adrean (2017):

Konflik dalam novel menarik untuk diteliti kerana, pertama, konflik merupakan satu di antara unsur pembangun sebuah karya sastra yang berhubungan dengan tokoh, alur, dan latar yang merupakan bagian unsur intrinsik dalam karya sastra. Kedua, setiap karya sastra pasti memiliki

<sup>4</sup> Keakraban dan sinergi yang mantap antara Aisyah Sofea dengan Alaf 21 Sdn. Bhd. ini menyebabkan Aisyah Sofea digelar sebagai “novelis veteran” (Mazuen Yahaya, 2014).

konflik karena tanpa adanya suatu konflik, maka karya sastra akan terasa hambar dan konflik merupakan permasalahan yang paling dominan hadir di dalam karya sastra. Ketiga, dalam karya sastra konflik selalu dihadirkan karena tanpa adanya konflik sebuah karya sastra tidak dapat diketahui alurnya (Adrean, 2017: 1) [Ejaan sebagaimana sumber asal.]

Begitu juga Shahnon Ahmad yang menganggap “konflik” sebagai aspek penting dalam pembentukan sebuah cerita yang baik, sebagaimana katanya, “Novel yang baik umumnya mengandungi aspek pertentangan [“konflik”] ini; termasuk pertentangan dalaman antara dua hasrat atau keinginan dalam diri watak, terutamanya watak utamanya. Pertentangan itu tentu saja termasuk pertentangan luaran antara para watak atau antara watak dengan alam persekitaran (Shahnon Ahmad, 1989: 60).

Berdasarkan pandangan Adrean (2017) dan Shahnon (1989) adalah jelas bahawa aspek “konflik” bukan sahaja penting dalam pembikinan cerita, tetapi turut menjadikan sesebuah cerita itu menarik. Kedua-dua pandangan ini sejajar dengan pemahaman awal yang menganggap bahawa aspek “konflik” khususnya konflik percintaan sebagai “ramuan” yang digemari oleh pembaca awam, dan justeru dianggap mampu mlariskan sesebuah novel.

## KAJIAN LEPAS

Pengamatan awal mendapati bahawa sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, telah ada beberapa kajian ilmiah yang menjadikan *ADH* sebagai bahan kajian. Antaranya ialah tesis sarjana oleh Shikin Ali (2013) yang membincarakan soal persepsi tentang “isteri mithali” dalam novel-novel Melayu. Dengan menjadikan *ADH* sebagai salah satu teks kajiannya, tesis Shikin ini antaranya mengamati watak protagonis wanita iaitu watak Ain Hawani. Terlepas daripada soal cengkaman patriarki yang dikatakan mempengaruhi persepsi tentang “isteri mithali”, pengamatan Shikin terhadap watak tersebut antaranya membangkitkan soal wujudnya pertentangan antara pasangan suami isteri. Hal ini dengan sendirinya menggambarkan kewujudan elemen-elemen konflik dalam *ADH*.

Begitu juga kajian Halimah Mohamed Ali (2015) yang meneroka soal pencitraan wanita Melayu dalam karya sastera. *ADH* sebagai salah satu bahan kajian Halimah antara lain membangkitkan soal pencitraan wanita Melayu yang dianggapnya dihimpit dengan pertentangan antara dua pihak, iaitu adat dan agama. Soal pertentangan antara adat dan agama yang dibangkitkan oleh Halimah ini dengan sendirinya mengundang kajian ini untuk meneliti secara lebih lanjut tentang aspek konflik yang terdapat dalam *ADH*.

Kajian oleh Fatimah Saidin dan Jamilah Ahmad (2015) pula meneliti persepsi pembaca remaja terhadap novel-novel popular termasuk *ADH*. Kajian ini antaranya mengenal pasti persepsi pembaca yang turut menerima *ADH* sebagai sebuah cerita yang dianggap benar-benar terjadi (*believable*). Persepsi ini dengan sendirinya menarik perhatian terhadap soal kemantapan cerita dalam *ADH*, khususnya konflik yang dikatakan merupakan aspek penting dalam pembikinan cerita.

Seterusnya, pengamatan turut meneliti kajian oleh Nurul Hilwany, Mohd. Zariat Abdul Rani, Norazlina Haji Mohd. Kiram dan Muhd. Zulkifli (2019) (seterusnya Nurul Hilwany *et al.*) yang menganalisis aspek pembinaan watak dan perwatakan yang dianggap penting dalam pembikinan sesebuah cerita dengan menjadikan novel *ADH* sebagai teks yang dikaji. Kajian Nurul Hilwany *et al.* ini mendapati bahawa terdapat tiga strategi pembinaan watak dan perwatakan dalam cerita *ADH*, iaitu pembinaan watak dengan perwatakan yang kondusif, pembinaan watak dengan perwatakan yang saling bertentangan, dan olahan perwatakan watak-watak secara drastik. Lebih penting dalam konteks artikel ini apabila kajian Nurul Hilwany *et al.* merumuskan bahawa tiga strategi pembinaan watak dan perwatakan ini berupaya mencetuskan konflik. Sesungguhnya, dapatan-dapatan kajian ini memperkuatkukan lagi kerelevan kajian untuk menganalisis manipulasi aspek konflik dalam novel *ADH*.-

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Novel *ADH* mengisahkan tentang perhubungan cinta yang terjalin antara Ain Hawani dan Adam Mukhriz. Perhubungan ini bermula tanpa diduga, iaitu apabila Ain Hawani dan Adam Mukhriz dianiaya dalam satu tangkapan khawatir. Peristiwa ini menyebabkan kedua-duanya terpaksa dinikahkan, meskipun tanpa kerelaan Ain Hawani yang masih ingin menyambung pelajarannya. Dengan keterpaksaan ini, perkahwinan Ain Hawani dan Adam Mukhriz melalui pelbagai onak dan ranjau. Antaranya, tindakan Ain Hawani meninggalkan suaminya untuk melanjutkan pelajarannya ke Australia. Perpisahan ini menghalang kebahagiaan rumah tangga mereka untuk beberapa ketika, sehingga keduanya ditakdirkan bertemu semula ketika mengerjakan umrah di Mekah. Pertemuan semula ini kemudiannya disusuli dengan beberapa insiden yang akhirnya meleraikan segala kekusutan yang melanda rumah tangga Ain Hawani-Adam Mukhriz. Cerita berakhir dengan kebahagiaan setelah pasangan suami isteri ini saling memaafkan kekhilafan masing-masing.

Menerusi cerita yang sedemikian, analisis ini mengenal pasti beberapa konflik yang dicetuskan sepanjang cerita. Analisis ini mendapati bahawa konflik pertama yang hadir dalam novel ialah konflik sebelum perkahwinan Ain Hawani (kerap disebut dalam novel sebagai Ain), dengan Adam Mukhriz (kerap disebut sebagai Adam). Konflik ini tercetus apabila novel menceritakan tentang pertemuan Ain dan Adam buat pertama kalinya di sebuah tadika, iaitu tempat Ain bekerja. Di tadika ini, Ain menjadi seorang guru ganti sementara menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sementara itu, Adam yang merupakan adik kepada pengurus tadika itu pula bekerja sebagai seorang juruterbang. Dia diceritakan sebagai seorang jejaka yang tampan dan kacak. Soal rupa paras ini penting untuk dibangkitkan kerana ia memainkan peranan bagi mencetuskan konflik. Rupa parasnya itu membuatkan Ain jatuh cinta pandang pertama tatkala melihat wajah Adam. Walau bagaimanapun, perasaan ini dipendam oleh Ain kerana dia tidak menggembari tingkah laku Adam yang tidak menghormati wanita. Hal ini demikian kerana Adam diceritakan mengambil kesempatan terhadap Ain dengan bertindak ingin mencium pipi Ain (Aisyah Sofea, 2013: 89).

Konflik diceritakan mula timbul setelah Ain mula menyedari bahawa Adam sebenarnya seorang lelaki yang miang. Lebih menyemarakkan konflik apabila Ain dan Adam kemudiannya ditangkap khalwat (Aisyah Sofea, 2013: 99). Penangkapan mereka itu diceritakan berpunca daripada rancangan jahat Dee, iaitu seorang wanita yang menginginkan Adam dan sentiasa berusaha menggoda lelaki itu. Disebabkan perasaan dendamnya kepada Adam yang diceritakan sentiasa melayani wanita lain, Dee diceritakan telah menghubungi pegawai jabatan agama Islam setelah Dee menyedari bahawa semua keluarga Adam pada ketika itu tiada di rumah. Pada tahap ini, penting untuk difahami bahawa pada ketika itu, Dee tidak menyangka bahawa Ain yang akan ke rumah Adam. Hal ini disebabkan Dee mahukan wanita lain selain daripada Ain yang menjadi mangsanya.

Dengan kata lain, Ain merupakan salah seorang wanita yang digilai oleh Adam. Dalam konteks ini, peristiwa Ain ditangkap khalwat dengan Adam merupakan satu penganiayaan (Aisyah Sofea, 2013: 119). Terlepas daripada soal penganiayaan ini, hal yang lebih penting dalam pembikinan cerita ialah cadangan bapa saudara Ain supaya Adam menikahi Ain. Cadangan ini diajukan kerana menganggap maruah keluarga yang akan tercemar jika Ain tidak dinikahkan dengan Adam. Cadangan ini menyemarakkan konflik kerana Ain masih tidak bersedia untuk menempuh alam perkahwinan (Aisyah Sofea, 2013: 103). Ain diceritakan masih ingin mengejar cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran di universiti. Justeru, perkahwinan paksa dengan Adam dianggap oleh Ain telah meragut masa depannya (Aisyah Sofea, 2013: 105). Di pihak Adam pula, dia rela untuk dikahwinkan dengan Ain kerana memang sudah tertarik dengan gadis itu. Bagi meningkatkan lagi intensiti konflik, Ain diceritakan mendiamkan diri kerana tidak berdaya untuk menyuarakan pilihannya.

Perkahwinan ini sangat penting dalam perkembangan cerita kerana melalui perkahwinan ini, soal kesedihan Ain semakin diberikan perhatian. Dengan demikian, perkahwinan Ain dengan Adam dilangsungkan dalam keadaan Ain tidak sepenuhnya merelakan perkahwinan itu. Hal ini bererti, perkahwinan Ain-Adam merupakan perkahwinan tanpa kerelaan Ain (Aisyah Sofea, 2013: 107). Dalam konteks pembikinan cerita, perkahwinan tanpa rela ini adalah signifikan kerana perkahwinan yang sedemikian dengan

mudah menyediakan asal mula (*antecedent*) cerita yang logik untuk mencetuskan konflik demi konflik rumah tangga Ain-Adam.

Seterusnya, jangkaan di atas ternyata berasas apabila dengan asal mula (*antecedent*) tersebut, konflik pertama rumah tangga Ain-Adam dapat dicetuskan. Sebagaimana yang dinyatakan, Adam sebenarnya jatuh hati dengan Ain. Justeru, Adam diceritakan berusaha melaksanakan tanggungjawabnya sebagai suami yang baik. Namun bagi mencetuskan konflik, Ain yang sudah sedia tidak rela dinikahkan dengan Adam, kemudiannya mengambil keputusan meninggalkan Adam untuk menyambung pelajaran di Australia (Aisyah Sofea, 2013: 115). Keputusan Ain ini mencetuskan konflik kerana Adam mengharapkan sebuah perkahwinan yang sempurna dan bahagia. Bagi menyemarakkan konflik, Ain diceritakan tetap dengan keputusannya dan tidak sedikit pun mengendahkan rayuan Adam supaya dia tidak meneruskan hasratnya untuk ke Australia. Malah, Ain diceritakan sedia untuk menuntut cerai bagi membolehkan dia meneruskan cita-citanya (Aisyah Sofea, 2013: 110). Menjadi sesuatu yang signifikan apabila novel tidak memungkinkan perceraian antara keduanya. Adam diceritakan tidak mahu menceraikan Ain kerana amat mencintai isterinya itu, dan malah rela membenarkan Ain meneruskan pelajaran ke Australia. Hal ini demikian kerana perceraian Ain-Adam hanya akan menutup kesempatan novel untuk memanjangkan konflik rumah tangga mereka. Justeru, strategi novel untuk membenarkan Ain ke Australia bukan sahaja mengurangkan kemungkinan terjadinya perceraian, sebaliknya membolehkan plot berkembang. Bagi memperkuatkan soal dalamnya cinta Adam kepada Ain, novel menceritakan bagaimana Adam tetap memberikan nafkah kepada Ain sepanjang belajar di Australia (Aisyah Sofea, 2013: 197). Begitu juga setelah Ain bekerja sebagai pensyarah, Adam masih memberi nafkah kepada Ain (melalui ibu Ain dan Ain menyangka bahawa itu wang ibunya). Oleh sebab Ain mempunyai banyak simpanan, Ain telah membuat keputusan untuk menuaikan umrah.

Analisis seterusnya mendapati novel terus mempertingkatkan usaha untuk manipulasi aspek konflik dengan cerita-cerita rumah tangga Ain-Adam. Sejajar dengan usaha ini, novel menemukan kembali Ain dengan Adam di Kota Mekah selepas lapan tahun hidup berasingan (Aisyah Sofea,

2013: 156). Adam diceritakan telah menunaikan umrah bersama ibunya. Pertemuan antara Ain-Adam digembrelleng ketika Ain mencari kasutnya yang bertindih di atas kasut lelaki (yang merupakan kasut Adam). Pada tahap ini, adalah penting untuk dijelaskan bahawa pertemuan antara Ain-Adam dimanipulasi sepenuhnya untuk memperkembangkan cerita ke hadapan. Justeru, pertemuan tersebut mengejutkan kedua-dua belah pihak. Sebelum itu, perlu dijelaskan bahawa Adam diceritakan semakin berubah dari segi pakaian dan perwatakannya. Justeru, adalah signifikan apabila dalam perkembangan selanjutnya, *ADH* mengisi penceritaannya dengan pergaduhan kecil antara Ain dengan Adam. Pergaduhan ini disebabkan oleh rasa tidak puas hati Ain terhadap Adam yang tidak mempertahankan maruah mereka lapan tahun yang lalu. Pergaduhan ini dimanipulasi sepenuhnya oleh pengarang dengan melengah-lengahkan konflik rumah tangga Ain-Adam (Aisyah Sofea, 2013: 157–175). Strategi ini dimungkinkan dengan cerita kebencian Ain terhadap Adam yang mahu Adam melepaskannya dengan cara yang baik. Hal ini disebabkan oleh sangkaan Ain tentang tanggungjawab Adam yang disangkanya tidak dilaksanakan secara batin dan zahir. Apa yang penting pada tahap ini ialah strategi novel yang menghadirkan watak ibu Adam yang turut berusaha memujuk Ain untuk menerima Adam sebagai suami. Dapat dijelaskan bahawa pertemuan tanpa diduga ini penting kerana selepas itu, konflik perkahwinan Ain dan Adam semakin hebat. Pada tahap ini, novel diisi dengan cerita-cerita tentang Adam dan ibunya yang berusaha memujuk Ain supaya kembali kepada Adam. Umpamanya, ibu Adam menjelaskan tentang tanggungjawab Adam sebagai seorang suami yang tidak pernah dilupakan oleh Adam. Selain itu, ibu Adam turut menceritakan tentang perubahan diri Adam selepas Adam berkahwin dengan Ain. Penjelasan ibu Adam ini penting bagi membolehkan cerita-cerita tentang keterbukaan hati Ain yang semakin dirungkaikan (Aisyah Sofea, 2013: 181). Dengan keterbukaan hati Ain ini, turut menimbulkan saspens terhadap kemungkinan-kemungkinan yang bakal tercetus dalam cerita yang selanjutnya. Kemungkinan ini, antaranya berkait soal tahap penerimaan Ain untuk menerima Adam sebagai suaminya. Justeru, novel mewajarkan Ain memberi nombor telefonnya kepada Adam.

Selanjutnya, analisis ini mendapati bahawa penulis novel *ADH* tidak mengambil jalan mudah dalam menamatkan ceritanya. Penulis mengisi penceritaannya dengan cerita Adam yang menghubungi Ain selepas mereka pulang dari mengerjakan umrah. Adam diceritakan beberapa kali cuba mendekati Ain, namun Ain mengelak untuk berjumpa dengannya. Bagi merumitkan lagi konflik, novel menghadirkan pula watak Johan iaitu teman sekuliah Ain ketika berada di Australia. Johan hadir sebagai lelaki yang menyimpan hati kepada Ain, dan hal ini sekali gus menyukarkan Adam untuk menyelamatkan rumah tangganya (Aisyah Sofea, 2013: 277). Konflik bertambah rumit apabila Ain sendiri tidak berterus terang dengan Johan tentang rumah tangganya. Hal ini menyebabkan Johan semakin serius dan berusaha keras untuk memperisterikan Ain. Strategi novel yang menghadirkan orang ketiga ternyata merumitkan lagi konflik rumah tangga Ain-Adam apabila timbul watak Azie sebagai teman karib Ain yang dalam diam mencintai Johan. Penting untuk dijelaskan bahawa Ain turut menyimpan perasaan terhadap Johan. Namun, Ain terpaksa melupakan perasaannya kerana menyedari bahawa dia adalah isteri kepada Adam. Azie pula diceritakan sering keluar bersama Johan tanpa pengetahuan Ain. Hal ini membuatkan Ain merasa sedih kerana ketidakjujuran Azie dan Johan yang menjalankan hubungan tanpa pengetahuannya. Dalam perkembangan cerita yang selanjutnya, Ain diceritakan menghubungi Adam untuk meluahkan perasaan sedihnya. Pengisian ini menimbulkan kemungkinan akan memperhebatkan lagi “konflik rumah tangga Ain-Adam”.

Konflik dirumitkan lagi dengan pergaduhan kecil antara Adam dengan Ain. Adam diceritakan memarahi Ain kerana menyimpan perasaan terhadap lelaki lain (Aisyah Sofea, 2013: 343). Kerumitan konflik rumah tangga mereka berupaya menceritakan usaha Adam yang tidak berputus asa untuk menyelamatkan rumah tangganya dengan Ain. Antaranya, Adam berhadapan dengan Johan dan menjelaskan tentang hubungannya dengan Ain. Hal yang penting ialah pada masa yang sama Ain turut mengakui bahawa dia (Ain) merupakan isteri kepada Adam di hadapan Johan dan Azie. Perakuan Ain ini dianggap signifikan kerana sedikit sebanyak dapat merungkaikan cerita dan memberi peluang kepada Azie untuk mencintai Johan. Pada tahap ini juga, apa yang penting untuk difahami ialah strategi novel yang menghadirkan watak Azie dan Johan sebagai salah satu faktor untuk cerita menyatukan

Ain-Adam sebagai suami isteri yang diketahui ramai (Aisyah Sofea, 2013: 369). Pengakuan Adam kepada Johan juga sedikit sebanyak menimbulkan keyakinan dalam diri Ain untuk menerima Adam. Dengan terungkainya konflik yang melibatkan Adam, Ain, Johan dan Azie, cerita seterusnya semakin berkembang.

Dengan terungkainya konflik di atas, novel kembali menceritakan tentang usaha Adam yang tetap tidak berputus asa untuk memujuk Ain agar kembali kepadanya. Antaranya, Adam dan ibunya mengadakan majlis tahlil untuk arwah bapa Adam dan doa selamat kerana dipertemukan semula dengan Ain. Justeru, adalah signifikan apabila dalam perkembangan selanjutnya, novel menceritakan undangan ibu Adam supaya Ain menghadiri majlis tahlil tersebut. Undangan ini diajukan kerana ibu Adam khuatir dengan kehidupan anak dan menantunya yang dianggap bermasalah. Di pihak Ain, undangan ibu Adam ini memaksa dia berhadapan dengan keluarga Adam yang tidak pernah ditemuinya. Hal ini bererti, undangan ibu Adam hadir sebagai satu mekanisme bagi meleraikan konflik rumah tangga Ain-Adam. Strategi ini jelas apabila dengan kehadiran Ain ke majlis tahlil dimanipulasi sepenuhnya oleh pengarang dengan melengah-lengahkan penerimaan Ain terhadap Adam (Aisyah Sofea, 2013: 390). Strategi ini dimungkinkan dengan cerita tentang Adam yang mengimami solat jemaah. Ain diceritakan terkejut dengan Adam yang dapat mengimamkan jemaah solat seramai 40 orang jemaah (Aisyah Sofea, 2013: 394). Melalui strategi ini, novel menceritakan bagaimana watak Ain yang mula menyedari bahawa Adam benar-benar telah berubah ke arah kebaikan. Apa yang penting ialah perubahan Adam ini meleraikan konflik rumah tangga Ain-Adam. Ain diceritakan memohon ampun atas segala kesilapannya sebelum ini yang menganggap Adam seorang lelaki yang banyak kekurangan untuk dijadikan suami. Menerusi kemaafan Ain, Adam akhirnya dapat menyarung cincin ke jari Ain sebagai tanda penyatuan mereka semula sebagai suami isteri (Aisyah Sofea, 2013: 396).

Bagi membolehkan cerita berkembang, analisis ini mendapat bahawa novel turut menghadirkan satu lagi konflik, iaitu konflik kehadiran Dee yang kembali untuk merosakkan rumah tangga Ain-Adam (Aisyah Sofea, 2013: 418). Sebagaimana yang telah dinyatakan, perkahwinan antara Ain dengan

Adam terjadi disebabkan oleh perlakuan khianat Dee. Oleh sebab tidak dapat menerima kebahagiaan Ain-Adam ini, Dee diceritakan mengganggu kehidupan mereka. Antaranya, Dee diceritakan sering menghubungi Adam. Menerusi cerita-cerita tentang Dee ini, novel kemudiannya mempertingkatkan lagi manipulasi konflik. Manipulasi ini tersedia dengan strategi novel yang tidak lagi meletakkan Ain sebagai seorang yang sabar dengan tindakan Dee. Ain diceritakan hilang sabar setelah mengetahui Dee masih menghubungi Adam (Aisyah Sofea, 2013: 461). Bagi menyemarakkan lagi konflik, Ain pula diceritakan berjumpa dengan Dee. Ain memberi amaran kepada Dee supaya menjauhkan diri daripada Adam kerana Ain diceritakan sudah boleh menerima Adam sebagai suaminya. Hal yang lebih penting ialah pengakuan Ain bahawa dia sedang mengandungkan anak Adam (Aisyah Sofea, 2013: 465). Pengakuan ini diceritakan menimbulkan keinsafan dalam diri Dee yang tidak sanggup memisahkan anak dengan bapanya. Keinsafan Dee ini membuatkan konflik-konflik yang melanda rumah tangga Ain-Adam akhirnya terungkai. Strategi ini dengan sendirinya menamatkan cerita.

## RUMUSAN

Analisis mendapati bahawa novel *ADH* dimanipulasi sepenuhnya dengan aspek konflik. Perkara ini jelas terserlah apabila analisis mendapati novel memanipulasi konflik demi konflik yang berlaku dalam kisah cinta dan alam rumah tangga Ain-Adam. Konflik yang dimanipulasi telah memungkinkan cerita untuk dibangunkan dan seterusnya dikekalkan perkembangannya. Dalam konteks ini, dapat dijelaskan bahawa konflik dimanipulasi sepenuhnya dari awal hingga ke akhir cerita. Justeru, dapat dikatakan bahawa novel *ADH* ini masih menepati cita rasa popular dan trend semasa. Perkara ini jelas terlihat pada ramuan utama yang mengisi novel *ADH* iaitu konflik percintaan dan konflik dalam rumah tangga Ain-Adam. Jalan cerita yang dipenuhi dengan pergolakan ini menyebabkan novel *ADH* mendapat sambutan daripada pembaca awam. Hal ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa aspek konflik telah memainkan peranannya yang signifikan dalam pembikinan naratif novel *ADH*.

## RUJUKAN

- Adrean. (September 2017). Analisis konflik tokoh utama dalam novel Terusir karya Hamka menggunakan kajian psikologi sastra. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 6(9). Dilayari daripada <http://jurnal.untan.ac.id/index.php/jpdpb/article/view/21962/17618>. pada 7 Mac 2018.
- Aisyah Sofea. (2013). *Adam dan Hawa*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf, Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Fatimah Saidin & Jamilah Ahmad. (2015). Kajian teks transportasi ke atas pembacaan novel dalam kalangan remaja. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 75–97.
- Halimah Mohamed Ali. (2015). Searching new paradigms of Malay women: What we can learn from literature? Dilayari daripada <http://malayliterature.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2015/05/5-New-paradigm.pdf>. pada 26 Oktober 2016.
- Kamariah Kamarudin. (2014). *Novel Melayu dalam pelbagai perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mc Cracken, S. (1998). *Pulp: Reading popular fiction*. USA: Manchester University Press.
- Nurul Hiwany, Mohd. Zariat Abdul Rani, Norazlina Haji Mohd. Kiram & Muhamad Zulkifli Ismail. (2019). Kisah percintaan dan penggembangan watak dan perwatakan dalam novel popular Adam dan Hawa karya Aisyah Sofea. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 7(3), 51–62.
- Othman Puteh. (Julai 2001a). Dari Sindora ke Tangisan Bulan Madu 2. *Dewan Sastera*, 10–13.
- Palmer, J. (1991). *Methods, concepts and case studies in popular fiction*. London: Routledge.
- Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shikin Ali. (2013). Isteri Mithali: Satu kajian persepsi isteri dalam novel dan masyarakat melayu. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). National University of Singapore, Singapura.
- Shodhganga. (2008). Genre fiction: A theoretical framework. [http://shodhganga.inflibnet.ac.in/bitstream/10603/25472/8/08\\_chapter\\_01.pdf](http://shodhganga.inflibnet.ac.in/bitstream/10603/25472/8/08_chapter_01.pdf). Dilayari pada 27 Mac 2018.
- T. Alias Taib. (Julai 2001). Mencari nilai dan tema sastera popular. *Dewan Sastera*, 22–23. Wawancara bersama Mazuen Yahaya pada 9 September 2014, bertempat di Shah Alam, Kumpulan Media Karangkraf.
- Zaidi Mohamad. (31 Oktober 2017). Nadiya dan Aaron Bakal Cetus Fenomena Lagi. Dilayari daripada <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2017/10/344551/nadiya-aaron-bakal-cetus-fenomena-lagi>. pada 16 Januari 2018.

## **Temu Bual**

Mazuen Yahya (9 September 2014).

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

(Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning)

